

16/02/1999

ATM mampu tangani cubaan pengacau

KOTA BHARU, Selasa - Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yakin mereka mampu menangani sebarang cubaan pihak tertentu yang menimbulkan keadaan huru-hara di negara ini.

Panglima Tentera Darat, Jeneral Datuk Mohd Hashim Hussein, berkata tentera bersedia menghadapi keadaan itu jika pembabitannya diperlukan bagi menjamin keamanan terus berkekalan.

Ini kerana, katanya, tentera mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam menentukan sebarang cubaan menggugat keamanan negara.

Beliau berkata, keamanan yang dinikmati negara tentunya menimbulkan rasa irihati pihak lain terhadap kejayaan negara ini dalam pelbagai bidang, khususnya kemampuan mengekalkan kestabilan politik.

"Kita bertugas secara profesional sebagai benteng negara dan bersedia menghadapi sebarang kemungkinan yang berlaku. Kita berlatih dan terlatih," katanya kepada pemberita selepas melakukan lawatan rasmi ke Markas Lapan Briged di Pengkalan Chepa, dekat sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengingatkan rakyat supaya berwaspada dengan cubaan pihak tertentu dari dalam dan luar negara untuk terus melaga-lagakan kaum di negara ini supaya rusuhan berlaku dan kemajuan terhalang.

Menurut Mohd Hashim, rakyat tidak terpengaruh dengan sebarang khabar angin yang disebarkan untuk menggugat keamanan negara.

Katanya, khabar angin adalah cara paling mudah bagi musuh negara untuk membakar sentimen dan emosi rakyat walaupun hanya dengan menggembar-gemburkan isu yang terlalu kecil.

(END)